

# SUDUT PAK-21

## Tarsia Puzzle

### Objektif:


Membantu murid mengetahui dan memahami jenis nisbah serta formulanya.

### Bahan yang diperlukan:

Manila kad, gunting dan gam

### Persediaan awal:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang tidak melebihi lima orang.
2. Guru perlu menyediakan bahan seperti rajah di bawah yang bersaiz besar dan mengedarkannya kepada setiap kumpulan.



### Aktiviti:

1. Murid dikehendaki mengunting setiap segi tiga tersebut.
2. Setiap sisi segi tiga terdapat nama nisbah dan formulanya. Sisi yang kosong merupakan sisi luaran segi tiga yang besar.
3. Setiap kumpulan perlu berbincang dan memadankan jenis nisbah dengan formulanya sehingga terbentuk segi tiga yang besar.
4. Murid perlu menampalkan jawapan mereka pada sehelai manila kad.
5. Setiap kumpulan perlu membentangkan hasil perbincangan serta bandingkannya dengan kumpulan yang lain.